



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Surat kepada Pengarang

21 September 2021

Perlunya mendapatkan fakta yang tepat tentang Perjanjian Paris

Sempena Hari Malaysia pada 16 September yang lalu, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mengadakan sebuah webinar awam tentang perubahan iklim. Webinar tersebut telah membincangkan banyak maklumat yang baik mengenai perubahan iklim yang perlu diketahui oleh rakyat Malaysia. Ketua panel penceramah ialah Ketua Setiausaha Kementerian sendiri, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.

Walaupun sebahagian besar maklumat yang disampaikan oleh webinar tersebut adalah bernilai, apa yang membimbangkan adalah terdapatnya beberapa kesalahfahaman yang besar mengenai beberapa asas Perjanjian Paris.

Di dalam webinar tersebut, Perjanjian Paris didakwa telah memperuntukkan bajet karbon bagi setiap negara, dan setiap negara wajib membuat pengisytiharan. Justeru itu, oleh kerana Malaysia bukanlah negara *Annex I* (negara membangun di dalam Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau UNFCCC), kita dikatakan telah tidak diberikan sebarang bajet, kerana Malaysia adalah sebuah negara kecil, dan oleh yang demikian tidak banyak karbon diperuntukkan.

Dakwaan tersebut bukan sahaja tidak tepat, malah, ianya bertentangan dengan rekabentuk Perjanjian Paris. Perjanjian Paris sebenarnya tidak memperuntukkan sebarang bajet karbon bagi mana-mana negara pun. Sebaliknya, semua negara hanya perlu membangun dan memaklumkan *nationally determined contribution* (NDC) masing-masing, iaitu sumbangan nasional yang ditentukan oleh mereka sendiri. NDC kini digunakan untuk menangani perubahan iklim di peringkat antarabangsa, sebagai alat untuk mencapai matlamat Perjanjian Paris, yang antaranya berhasrat untuk memastikan bahawa kadar kenaikan suhu sedunia tidak akan melebihi 2°C dari paras pra-perindustrian dan meneruskan usaha untuk menghadkan kenaikan ini hanya setakat 1.5°C sahaja.

Pada dasarnya, ini bermaksud negara-negara bebas untuk mengisytiharkan sumbangan yang dapat dilaksanakan masing-masing. Ini diwar-warkan sebagai pendekatan *bottom-up*, kerana proses penentuan peruntukan pelepasan karbon bermula di peringkat nasional. Sementara itu, idea mengenai peruntukkan yang telah ditentukan seperti yang dinyatakan dalam webinar tersebut, adalah pendekatan *top-down*, yakni proses penentuan peruntukan yang bermula di peringkat antarabangsa.

Dalam rundingan-rundingan awal yang membawa kepada Perjanjian Paris, terdapat beberapa buah cadangan daripada beberapa buah negara membangun tentang betapa pentingnya untuk kita mengambil 'pendekatan akses yang saksama kepada ruang atmosfera' (*equitable access to atmospheric space approach*), dengan mempertimbangkan pelepasan sejarah (*historical emissions*) dan pelepasan semasa (*current emissions*) oleh setiap negara secara kumulatif. Ini juga termasuk pelepasan berdasarkan jumlah per kapita.

Segala cadangan yang sedemikian rupa, yang menyarankan sebuah peruntukan yang adil dan saksama ke atas baki ruang karbon yang masih ada, akhirnya gagal dipertimbangkan langsung oleh proses perundingan

tersebut. Ini adalah akibat daripada tentangan negara-negara maju, terutama sekali Amerika Syarikat. Mereka menegaskan bahawa proses multilateral ini tiada kuasa untuk mengarahkan secara *top-down* jumlah pengurangan pelepasan yang harus dilakukan oleh setiap negara. Malah, negara-negara maju sangat menentang sebarang penilaian dilakukan ke atas pelepasan sejarah mereka. Jelasnya penilaian sebegini ini hanya akan menuntut mereka untuk mengambil tanggungjawab yang lebih besar untuk mengurangkan pelepasan semasa mereka kerana mereka sebenarnya telah melepaskan karbon ke ruang atmosfera melebihi takat yang wajar dan saksama.

Hari ini, pendekatan yang diambil hanya meminta setiap negara untuk melaksanakan sebuah perakuan tentang sumbangan pengurangan pelepasan karbon mereka, walaupun kadar ini mungkin terhad dan tidak bermakna, dan mengabaikan pelepasan karbon dari segi sejarah.

Pendekatan *bottom-up* yang dimajukan oleh Amerika Syarikat ini telah membawa kepada konsep NDC yang ditentukan secara nasional. Konsep ini tidak mempertimbangkan kesaksamaan atau perbezaan tanggungjawab sejarah antara negara maju dan negara membangun. Sumbangan setiap negara ini akhirnya akan dihitung bersama dan kemudiannya, penilaian akan dilakukan untuk menentukan keberkesannya dalam mencapai matlamat Perjanjian Paris. Pendekatan ini mengubah prinsip 'tanggungjawab bersama yang berbeza berdasarkan keupayaan masing-masing' antara negara maju dan negara membangun, kepada tanggungjawab bersama yang tidak saksama dan bertentangan dengan semangat UNFCCC dan Perjanjian Paris.

Oleh itu, dakwaan bahawa Perjanjian Paris ini ada memperuntukkan bajet karbon untuk setiap negara adalah jauh tersimpang dari kebenaran.

Salah faham ke atas perkara yang paling asas seperti itu mesti diperbetulkan dengan segera, terutamanya sebelum perwakilan Malaysia menghadiri Konferensi Negara Penandatanganan ke-26 (COP 26) UNFCCC.

Delegasi Malaysia perlu mengetahui dan memahami sejarah perundingan dan pertentangan antara negara-negara membangun dan negara-negara maju yang akhirnya membawa kepada sebuah keseimbangan yang amat tipis yang dicapai di Paris. Ini merangkumi pelbagai tanggungjawab yang sarat dengan nuansa masing-masing, yang terpaksa dipikul oleh negara-negara membangun dan maju.

Terdapat begitu banyak masalah kritikal yang diajukan oleh negara-negara maju di COP 26, seperti pembebasan sifar bersih (*net zero*) untuk semua negara pada tahun 2050, dan mekanisme pasaran karbon dan pengimbangan balik (*offset*) yang digembar-gemburkan sebagai sebuah 'penyelesaian berasaskan alam' (*nature-based solutions*), yang akan bertumpu di negara-negara membangun. Semua ini pasti akan menambah jurang ketidaksaksamaan antara negara maju dan negara membangun.

Negara-negara maju telah lama menggunakan penuh ruang karbon mereka sendiri. Usaha mereka untuk mempromosikan sasaran sifar bersih dengan garis masa yang jauh untuk diri mereka sendiri adalah sebuah bentuk 'penjajahan karbon' (*carbon colonialism*). Mereka sebetulnya wajib meninggalkan baki ruang atmosfera yang masih ada bagi negara-negara membangun untuk mencapai hak mereka ke atas pembangunan. Negara-negara maju sepatutnya wajib menyasarkan penyahkarbonan (*decarbonisation*) yang menyeluruh dalam jangka masa yang jauh lebih pendek. Jika mereka meneruskan pelepasan mereka dan mengambil lebih banyak ruang atmosfera untuk 30 tahun lagi, objektif untuk menghadkan kenaikan suhu dunia Perjanjian Paris tidak akan dipenuhi.

Delegasi Malaysia ke COP 26 mesti bersiap sedia untuk menangani segala gerakbalas negara-negara maju nanti. Ini memerlukan kefahaman yang betul mengenai asas-asas Perjanjian Paris dan pakatan bersama negara-negara membangun yang lain, dalam usaha mencegah lebih banyak peralihan tanggungjawab kepada negara-negara membangun, yang bertentangan dengan prinsip Perjanjian Paris.

Di samping itu, negara-negara maju juga perlu dipertanggungjawabkan di atas kegagalan mereka di bawah UNFCCC untuk memobilisasikan secara tahunan sebanyak USD100 bilion menjelang tahun 2020, seperti

yang telah dipersetujui pada tahun 2010. Perancangan ini telah dilakukan untuk membenarkan negara-negara membangun mengambil segala tindakan bersangkutan perubahan iklim dan membangunkan arah tuju keupayaan pembangunan yang bersih dan lestari melalui pemindahan teknologi. Matlamat kolektif bersangkutan kewangan yang baru perlu dipersetujui selewat-lewatnya pada tahun 2025 nanti, dengan US100 billion sebagai jumlah asas, mengikut keperluan sebenar negara-negara membangun. Ini adalah antara sasaran yang amat penting untuk COP 26 nanti.

Mengharungi COP 26 jelasnya bukanlah sesuatu yang mudah. Kita mestilah bersiap sedia dan memastikan kemampuan diri untuk mempertahankan pegangan kita dan mengelakkan diri dari terpedaya. Jika mana ini berlaku, ianya pasti hanya akan merugikan semua pihak.

Meenakshi Raman
Presiden
Sahabat Alam Malaysia

Surat ini turut disokong oleh:

1. Sahabat Alam Malaysia
2. Consumers Association of Penang
3. Third World Network
4. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)
5. Agora Society Malaysia
6. Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (pekamalaysia.org)
7. Persatuan Kesedaran dan Keadilan Iklim Malaysia (Klima Action Malaysia - KAMY)
8. Alliance Of River Three
9. Jaringan Ekologi dan Iklim (JEDI)
10. Environmental Protection Society Malaysia (EPSM)
11. Free Tree Society Kuala Lumpur
12. GRASS Malaysia
13. Parti Sosialis Malaysia (PSM)
14. Greenpeace Malaysia
15. Say No to PJD Link
16. Centre for Orang Asli Concerns
17. MNS Selangor Branch
18. Treat Every Environment Special Sdn Bhd (TrEES)
19. Sustainable Development Network Malaysia (SUSDEN Malaysia)
20. Pertubuhan Lestari Khazanah Alam Pulau Pinang (LEKAS)